

SOALAN NO: 54

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
KAWASAN : BATU GAJAH
TARIKH : 21 MAC 2018 (RABU)

SOALAN:

YB TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai cadangan untuk menaik taraf meninggikan jambatan di Sungai Kledang, Jalan Lahat, Menglembu untuk mengatasi banjir kilat yang sering melanda di kawasan itu. Jika ya, bilakah projek ini akan dilaksanakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Lahat - Menglembu merupakan jalan bandaran yang terletak di bawah pentadbiran dan senggaraan Majlis Bandaraya Ipoh. Buat masa ini, JKR tiada perancangan untuk meninggikan aras dan menaiktaraf jambatan di atas Sungai Kledang seperti yang dimaksudkan.

Sekian, terima kasih.